

**Para pemimpinnya banyak  
bercakap dan bergaduh sama  
sendiri – Mahathir**

---

**MANIFES  
TO PAS  
OMONG  
KOSONG**

9 MAR 1978

## **KOTA BHARU 8 Mac —** **Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir telah mensifatkan manifesto PAS sebagai "hanyalah omong kosong".**

Setibanya di sini petang ini beliau memberitahu satu sidang akhbar di Lapanganterbang Pengkalan Chepa, berkata, "Rakyat telah melihat sendiri tidak banyak kemajuan dijalankan oleh parti itu di negeri ini sebaliknya para pemimpinnya lebih banyak bercakap dan bergaduh sesama sendiri untuk memperjuangkan kepentingan diri.

Ketika ditanya mengenai pendapat setengah pihak bahawa PAS akan menggunakan issue pengampunan ke atas Dato' Harun Idris di dalam pilihanraya ini beliau berkata:

"Saya tak tahu sama ada penderitaan orang lain dijadikan issue pilihanraya. Jika ini dilakukan, ia merupakan satu tabiat yang tidak baik, dan patutkah orang Islam melakukannya?"

Beliau seterusnya mensifatkan PAS sebagai parti yang negatif.

### **Amalan**

Pembangunan tidak akan dilaksanakan oleh para pemimpinnya selagi kepentingan

diri terus menjadi amalan, ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir akan berada di sini selama tiga hari.

Ketibaannya bersama Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah dialu-alukan oleh para pegawai kanan kerajaan dan pemimpin-pemimpin UMNO serta Berjasa, termasuk Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Nasir.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Kerajaan Pusat tidak akan menarik balik rancangan-rancangan pembangunan bernilai berjuta-juta ringgit di Kelantan sekiranya PAS menang dalam pilihanraya 11 Mac ini.

Beliau mengulas cabaran Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd Asri ketika berucap kepada penduduk-penduduk Kampung Batu Gajah Tanah Merah kelmarin yang meminta Perdana Menteri menarik balik rancangan-rancangan tersebut jika Barisan tewas dalam pilihanraya ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata tanggungjawab kerajaan ialah untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Berkhidmat kepada rakyat adalah jiwa Islam," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, pengalaman-pengalaman lalu menunjukkan bahawa para pemimpin PAS lebih mementingkan diri dan akibatnya tidak ada kemajuan dilaksanakan di negeri ini.

Beliau berkata janji-janji PAS dalam manifestonya untuk

mengeratkan kerjasama dengan Pusat adalah merupakan kata-kata yang dia sendiri tidak dapat melakukannya.

Katanya, semasa PAS berada di dalam Barisan Nasional para pemimpinnya tidak pernah merundingkan dengan pemimpin Kerajaan Pusat tentang langkah-langkah yang hendak dilakukannya.

"PAS adalah sebuah parti yang negatif yang tidak banyak membuat pembangunan tetapi lebih banyak berekap," katanya.

Mengenai janji PAS dalam manifestonya untuk menjadikan Islam sebagai ideologinya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Islam bukanlah satu ideologi tetapi ialah agama.

Katanya, perbuatan menyatukan Islam sebagai agama dengan ideologi adalah merupakan penghinaan terhadap agama.

**LIHAT MUKA 12**  
(Ruang 7)

Beliau mengingatkan rakyat Kelantan bahawa manifesto yang bermakna yang benar-benar boleh dilaksanakan ialah dari parti yang berkuasa.

Manifesto PAS ini hanyalah omong kosong, tambahnya.

Mengenai pendapat setengah pihak bahawa PAS akan menggunakan issue pengampunan ke atas Dato' Harun Idris yang ditolak oleh lembaga pengampunan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Saya tak tahu sama ada penderitaan orang lain dijadikan issue pilihanraya, jika ini dilakukan, ia merupakan satu tabiat yang tidak baik, dan patutkah orang Islam melakukannya?"

Ketika berucap merasmikan masjid Kampung Chenok dalam kawasan Salor dekat sini petang ini Datuk Dr. Sri Mahathir berkata Kerajaan Pusat berani membuat janji kerana ia mempunyai kuasa dan berkemampuan memenuhi janji-janji yang dibuatnya.

Sebaliknya, kata Timbalan Perdana Menteri, janji yang paling mudah ialah janji yang tidak dipenuhi.

"Kita boleh cetak berkajang-kajang janji, tapi kalau kita hendak berpegang pada janji buatlah pada orang yang mampu memenuhi janji itu", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa rakyat Kelantan tidak seharusnya terpengaruh dengan ucapan-ucapan yang penuh emosi oleh mereka terutama pemimpin-pemimpin yang menganggap perpaduan itu tidak berharga.

Sementara itu Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini mensifatkan manifesto PAS sebagai kosong dan tidak mempunyai sebarang issue untuk ditimbulkan.

"PAS tidak berani lagi membuat sebarang janji kerana ia sedar yang ia tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan janji-janji itu," kata Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi Barisan Nasional Kelantan ketika mengulas manifesto PAS semalam.

## Kekal

Beliau mengingatkan rakyat Kelantan supaya mengekalkan kerjasama yang wujud sekarang antara mereka dengan kerajaan sekarang.

"Kalau kita mengharagai pembangunan hari ini, kita mesti kekalkan kerjasama yang wujud sekarang," kata beliau.

Dengan nada yang tenang Datuk Sri Dr. Mahathir berpantun: "Ada ubi ada batas, ada budi pada 11 haribulan bolehlah balas," disambut dengan tepukan oleh penduduk-penduduk Salor yang menyambut kedatangannya.

Beliau menegaskan, rakyat harus sedar bahawa pembangunan tidak boleh diteruskan tanpa perpaduan kerana kejayaan pembangunan itu tidak hanya bergantung kepada wang ringgit semata-mata.

Tambahnya, pembangunan memerlukan pentadbiran yang jujur dan bersih, "kalau tidak rakyat tidak akan dapat menikmati faedahnya".